

28/05/1998

Star-LRT turunkan kadar tambang

KUALA LUMPUR, Rabu - Sistem Transit Aliran Ringan Sdn Bhd (Star-LRT) mengumumkan penurunan kadar tambang LRT Sistem 1, dari stesen Sultan Ismail ke Sri Petaling dan Ampang, berkuatkuasa 1 Julai ini.

Penurunan tambang itu membabitkan pemotongan lima sen kepada semua pemegang tiket perjalanan sehala, pelajar sekolah dan nilai terkumpul. Dengan pemotongan itu, kadar tambang baru ialah antara 70 sen hingga RM2.90, berbanding 75 sen hingga RM2.95, sekarang.

Ketua Pemasaran dan Perhubungan Awam Star-LRT, Yap Bee Lee, berkata penurunan tambang itu sebahagian sumbangan syarikat berkenaan ke arah menggalakkan penggunaan sistem pengangkutan lebih berkesan.

"Kami menurunkan tambang untuk membantu pengguna mendapatkan nilai yang lebih untuk wang mereka, khususnya ketika menghadapi kegawatan ekonomi," katanya ketika ditemui petang ini.

Ketika ini, kadar tambang yang diumumkan itu adalah bagi laluan fasa 1 dari Ampang ke Sultan Ismail, membabitkan jarak 12.5 kilometer.

Yap berkata, penurunan tambang itu juga dibuat berikutan pembukaan laluan fasa kedua Star-LRT mulai 1 Julai dari Sri Petaling ke Chan Sow Lin, sejauh 11.8 kilometer.

Menurutnya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan perkhidmatan LRT Sistem 1 dengan menaiki LRT ke Bukit Jalil pada malam 11 Julai ini.

"Seterusnya, Perdana Menteri akan melakukan upacara perasmian Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil pada hari yang sama," katanya.

Laluan fasa kedua itu akan menjadi pengangkutan utama ke Sukan Komanwel, September ini.

Beliau berkata, ujian terakhir bagi laluan berkenaan sedang berjalan membabitkan penggunaan tren lebih besar, iaitu mampu mengangkut 24,000 penumpang sejam sehala berbanding 16,000 ketika ini.

"Apa yang pasti ialah pembukaan laluan fasa kedua akan menyaksikan peningkatan taraf fasa pertama dari segi stesen, bengkel baik pulih, perhubungan, kutipan tambang dan operasi," katanya.

(END)